

# Cara Pembayaran

Anda boleh membuat bayaran melalui kad kredit, kad debit, ataupun PayPal. Harga yang dipaparkan di tapak sesawang untuk produk LEGO® adalah harga yang anda akan bayar. Anda tidak perlu risau tentang sebarang bayaran tambahan selain daripada kos penghantaran.

## Kad Kredit dan Debit

Kami menerima Mastercard dan Visa untuk pembayaran. Kad kredit anda tidak akan dicaj sehingga pesanan anda telah dihantar. Anda boleh membeli-belah dengan yakin di LEGO.com, mengetahui bahawa transaksi anda dilindungi oleh tahap keselamatan yang tertinggi melalui penyulitan SSL.

Kami akan memberi kebenaran kepada kad kredit anda apabila anda membuat pesanan. Sebagai sebahagian daripada proses kebenaran ini, bank anda akan menahan akaun anda untuk jumlah pembelian pesanan anda.

## PayPal

Kami menerima pembayaran melalui PayPal. Jika anda memilih PayPal sebagai kaedah pembayaran anda, anda akan dibawa ke tapak sesawang PayPal untuk log masuk ke akaun anda. Kemudiannya, anda akan dikembalikan ke LEGO.com untuk menyelesaikan proses pembayaran.

Penyelesaian pembayaran kami adalah berdasarkan standard SSL, ini bermaksud bahawa maklumat yang diserahkan oleh anda yang berkaitan dengan transaksi pembayaran akan dilindungi oleh penyulitan.

## Pembayaran Ekspres

Pelanggan PayPal akan diberi pilihan pembayaran ekspres apabila memuktamadkan pesanan mereka. Sebelum itu, anda perlu memastikan alamat pengebilan dan alamat penghantaran yang betul dipaparkan di PayPal

anda kerana kami akan menggunakan maklumat tersebut untuk memproses pesanan anda.

## Pembayaran melalui pautan

Jika anda menghubungi salah seorang pakar LEGO kami, anda mungkin akan diminta untuk membayar untuk pesanan anda dengan mengklik pada pautan selamat yang dihantar oleh kami kepada anda melalui emel. Pautan tersebut akan membawa anda ke halaman pembayaran yang selamat, supaya anda boleh memasukkan butiran kad anda dengan mengetahui bahawa transaksi itu dilindungi oleh tahap keselamatan yang tertinggi melalui penyulitan SSL. Pautan tersebut hanya sah selama 24 jam. Oleh sebab itu, anda perlu memastikan anda mengklik dan bayar sebelum tamat tempoh untuk membuat pesanan anda.

Kami akan memberi kebenaran kepada kad kredit anda sebaik sahaja anda membuat pembayaran. Sebagai sebahagian daripada proses kebenaran ini, bank anda akan menahan akaun anda untuk jumlah pesanan. Penahanan ini akan dilepaskan selepas beberapa hari yang ditentukan oleh bank anda. Sila semak dengan bank anda untuk maklumat lebih lanjut.